



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN

ANTARABANGSA

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS (IMTS)

MEI 2020

MAY 2020




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PERANGKAIAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA
MEI 2020

TAJUK UTAMA: PENINGKATAN EKSPORT BULAN MEI 2020 DISUMBANGKAN
OLEH EKSPORT BAHAN KIMIA

1. Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND1,302.8 juta, meningkat sebanyak 0.9 peratus daripada BND1,290.7 juta pada bulan yang sama tahun 2019. Manakala, bagi perubahan bulan-ke bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Mei 2020 meningkat sebanyak 13.9 peratus berbanding dengan bulan April 2020.


Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



2. Jumlah eksport meningkat sebanyak 20.5 peratus tahun-ke-tahun kepada BND865.2 juta berbanding BND718.1 juta pada Mei 2019 disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Kimia daripada BND20.7 juta pada Mei 2019 kepada BND235.2 juta pada Mei 2020. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pengeluaran baru produk kimia daripada aktiviti hiliran. Namun yang demikian, eksport Bahan Api Galian pada bulan Mei 2020 telah menunjukkan penurunan selaras dengan penurunan eksport Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli disebabkan oleh penurunan jumlah isipadu dan purata harga.


- Pasaran eksport terbesar bagi Negara Brunei Darussalam pada bulan Mei 2020 adalah ke Republik Rakyat China (36.2 peratus) diikuti oleh Jepun (20.3 peratus) dan Singapura (17.4 peratus).

Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan




- Dari segi komoditi eksport, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama sebanyak 70.9 peratus diikuti dengan Kimia (27.2 peratus) dan Pelbagai Urusniaga (0.7 peratus).
- Manakala, jumlah import menurun sebanyak 23.6 peratus tahun-ke-tahun kepada BND437.6 juta.
- Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (37.3 peratus) diikuti oleh Bahan Api Galian (14.6 peratus), Kimia (13.7 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang, dan Makanan (masing-masing 12.6 peratus).

Lima Komoditi Import Utama



7. Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan merangkumi 58.5 peratus dari jumlah import diikuti oleh import Barang Modal (33.4 peratus) dan Barang Penggunaan (8.1 peratus).
8. Dari segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Malaysia (26.5 peratus) diikuti oleh Singapura, dan Republik Rakyat China (masing-masing 12.0 peratus).



9. Dari segi barangan perdagangan mengikut mod pengangkutan pada bulan Mei 2020, mod pengangkutan laut mencatatkan jumlah terbesar iaitu sebanyak BND1,219.4 juta. Ini diikuti oleh mod pengangkutan udara iaitu sebanyak BND66.7 juta dan pengangkutan darat sebanyak BND16.7 juta.
10. Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (*International Merchandise Trade Statistics, IMTS*) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan “*General System*” bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan Mei 2020 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di www.deps.gov.bn.




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS (IMTS)
MAY 2020

HEADLINE: INCREASE IN EXPORTS IN MAY 2020 CONTRIBUTED BY EXPORTS OF CHEMICALS


1. *Brunei Darussalam total trade valued at BND1,302.8 million, an increase by 0.9 per cent from BND1,290.7 million during the same month last year. Meanwhile, for month-to-month changes, total trade for May 2020 increased by 13.9 per cent compared to April 2020.*



2. *Exports increased by 20.5 per cent year-on-year to BND865.2 million compared to BND718.1 million in May 2019 due to an increase in chemical exports, from BND20.7 million in May 2019 to BND235.2 million in May 2020. The increase was mainly contributed by the new production of chemical products from the downstream activities. Nevertheless, exports of Mineral Fuels in May 2020 have shown a decline in line with declining exports of crude oil and Liquefied Natural Gas due to a decline in volume and average prices.*


- The main export market for Brunei Darussalam in May 2020 was to the People's Republic of China (36.2 per cent) followed by Japan (20.3 per cent) and Singapore (17.4 per cent).

Share of Exports by Trading Partners




- In terms of commodity exports, Mineral Fuels represents the major contributor with 70.9 per cent followed by Chemicals (27.2 per cent) and Miscellaneous Transactions (0.7 per cent).
- Meanwhile, total imports decreased by 23.6 per cent year-on-year to BND437.6 million.
- The five main import commodities were Machinery and Transport Equipment (37.3 per cent), followed by Mineral Fuels (14.6 per cent), Chemicals (13.7 per cent), Manufactured Goods, and Food (12.6 per cent each).

Five Main Import Commodities



7. *By End Use category, imports of Intermediate Goods comprised of 58.5 per cent of the total imports followed by Capital Goods (33.4 per cent) and Consumption Goods (8.1 per cent).*
8. *For imports by trading partners, the highest share was from Malaysia (26.5 per cent), followed by Singapore, and People's Republic of China (12.0 per cent each).*

Share of Imports by Trading Partners



9. *In terms of merchandise trade by mode of transport in May 2020, the mode of transport by sea recorded the highest value amounting to BND1,219.4 million. This is followed by air (BND66.7 million) and land (BND16.7 million).*
10. *The International Merchandise Trade Statistics (IMTS) for Brunei Darussalam adopts the General System for recording trade statistics, which covers imports, domestic exports, and re-exports. The IMTS full report for May 2020 is available from the DEPS's website: www.deps.gov.bn.*